

IDENTITI RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN MELALUI EVOLUSI REKA BENTUK

Noor Hayati Ismail¹, Mastor Surat¹, Raja Nafida Raja Shahminan², Shahrul Kamil Yunus³

¹Jabatan seni Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia

³Jabatan Kejuruteraan AWM, Politeknik Port Dickson

nhayatiismail69@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian perubahan, reka bentuk dan evolusi yang berlaku pada rumah tradisional Negeri Sembilan. Keunikan reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan melambangkan masyarakat Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan. Reka bentuknya telah diasimilasikan dengan budaya tempatan mengikut kesesuaian persekitaran, sejarah, pengaruh budaya dan adat resam mewakili pelbagai maksud dan terbentuknya identiti tersendiri. Pengabungan reka bentuk senibina Minangkabau dan senibina bumbung panjang menjadikan satu identiti bangunan rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan dengan sedikit melentik di hujung bumbung, mempunyai bumbung bertingkat antara atap bumbung rumah ibu. Namun, reka bentuk bumbung ini telah dianggap bergonjong dan di katakan rumah Minangkabau. Kajian evolusi dan reka bentuk yang membina identiti rumah tradisional di Negeri Sembilan di buat melalui kajian reka bentuk rumah gadang di Sumatera Barat dan rumah tradisional di Negeri Sembilan.

Kata Kunci: *Evolusi, Identiti, Reka bentuk, Adat papatih, Bergonjong dan Minangkabau.*

PENGENALAN

Identiti merupakan karektor atau menyentuh kepada keperibadian seseorang serta cara hidupnya seperti yang terdapat dalam kamus Dewan; *adalah perkataan berawal dari perkataan bermaksud keadaan persamaan yang serupa; persamaan yng mutlak; siapa sebenarnya seseorang itu; apa sebenarnya sesuatu itu; pengenalan; identiti.* Menurut Mastor Surat (2010), terdapat tiga identiti yang boleh dilihat kepada seseorang individu, masyarakat dan kebangsaan. Identiti yang melihat kepada masyarakat merupakan etnik identiti lebih cenderung kepada sebuah masyarakat, dari pola kehidupan mereka, corak kehidupan mereka, etnik sangat menekankan kepada budaya mereka sendiri.

Evolusi adalah merupakan perkembangan, pembangunan dan perubahan yang berlaku akibat faktor-faktor yang tertentu seperti faktor budaya, tempat dan juga kedaerahan. Maksud dalam New Oxford (2000) evolusi adalah perkembangan, pembentukan atau pertumbuhan secara beransur-ansur dan berlaku perlahan-lahan. Kehidupan sesuatu tempat dan adat resam juga telah mencorakkan perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Menurut Nafida (1999) pula, evolusi merupakan pembangunan yang berlaku kepada corak kehidupan manusia, haiwan, flora dan fauna. Corak kehidupan manusia adalah pengaruh yang datangnya dari asal usul di mana berlakunya kehidupan harian. Apabila seseorang merantau dari tempat asal usulnya, mereka membawa budaya,

adat yang di amalkan di tempat yang baru, kehidupan mereka telah berubah dan berlakunya evolusi. Menurut Mochtar Naim (1984), merantau atau migrasi dikatakan meninggalkan kampung halaman untuk pergi merantau. Beliau mengatakan bahawa *“relatively moving away from one geographical location to another”* iaitu berpindah dari sebuah lokasi geografi yang satu kepada yang lain serta telah mengubah kehidupan.

Masyarakat di Negeri Sembilan terdiri daripada penghijrahan dan kedatangan masyarakat Minangkabau. Terdapat dua kumpulan penghijrahan Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan iaitu yang datang dari daerah pedalaman Sumatera mengamalkan sistem Adat Perpatih sementara kumpulan kedua datang dari daerah persisiran Sumatera dan mengamalkan Adat Temenggung. Masyarakat Minangkabau adalah etnik yang sering di katakan orang merantau, mereka bergerak di seluruh negara mencari kehidupan yang lebih baik, pendidikan, dan pengalaman. Melalui aktiviti merantau, masyarakat Minangkabau membawa budaya dan tradisi mereka. Ia membina identiti berkaitan dengan ciri budaya kumpulan etnik. Menurut Mochtar Naim (1984), orang Minangkabau yang merantau sangatlah tinggi, bahkan tertinggi di Indonesia. Dari hasil kajian yang pernah dilakukan oleh beliau, pada tahun 1961 terdapat sekitar 32% orang Minang yang tinggal di luar Sumatera Barat. Kemudian pada tahun 1971 jumlah itu meningkat menjadi 44% . Berdasarkan bancian tahun 2000, suku Minang yang tinggal di Sumatra Barat berjumlah 3,7 juta orang, dengan anggaran hampir satu perdua orang Minang berada di perantauan. Minangkabau atau Minang adalah merupakan kumpulan etnik Nusantara dan aset bagi Sumatera terhadap budaya dan sejarah. Minangkabau meliputi Sumatera Barat, separuh darat Riau, bahagian utara Bengkulu, bahagian barat Jambi, bahagian selatan Sumatera Utara, barat daya Aceh, dan juga Negeri Sembilan.



Rajah 1 : Rumah tradisional di Pulau Mampat, Rembau, Negeri Sembilan.

Pengaruh rumah di Negeri Sembilan dapat dilihat seperti rajah 1, berlainan dengan rumah tradisional di negeri-negeri lain yang mempunyai identiti tersendiri sebagai lambang kebudayaan masyarakatnya. Identiti adalah sebuah proses bukan sesuatu benda menurut Charles Correa (1983) dan ia adalah sebuah perjalanan yang telah meninggalkan sebuah peradaban dan ia bergerak melalui jejak sejarah, dan budaya. Menurut Hafizi Kosnan (2009) pencarian identiti kita berada di dalam kesamaran, disebabkan tiada sebarang contoh atau pengajaran secara langsung daripada bentuk senibina terdahulu. Kesamaran ini disebabkan kebanyakan senibina yang dibangunkan selepas merdeka mempunyai fungsi yang berlainan sama sekali daripada senibina yang wujud sebelum ini.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Rumah tradisional Negeri Sembilan dapat dilihat reka bentuknya pada bumbung panjang yang mempunyai lentik yang bervariasi. Ia melambangkan keunikan masyarakat adat pepatih yang diamalkan oleh orang-orang Negeri Sembilan. Identiti dan imej selalu disalah-ertikan persamaan tipologinya berkenaan adat Minangkabau dan pepatih. Kekeliruan rumah adat, bergonjong dan gadang telah disalah anggap oleh masyarakat kini. Kajian ini merupakan kajian pembentukan, perkembangan dan pembangunan yang disebut sebagai evolusi . Untuk mencapai objektif kajian, maka metodologi kajian berkaitan literatur, rujukan kajian-kajian lepas dan kajian lapangan pada rumah gadang Minangkabau di Sumatera Barat dan rumah tradisional di Negeri Sembilan yang terdapat dari beberapa daerah seperti Rembau, Kuala Pilah dan Tampin. Analisa reka bentuk rumah bagi rumah gadang dan tradisional Negeri Sembilan di buat melalui pelan dan fasad rumah. Kajian ini meliputi perubahan dan perkembangan evolusi Minangkabau hingga ke Negeri Sembilan.

PENGIJRAHAN MINANGKABAU

Masyarakat Minangkabau mempunyai prinsip serta tujuan migrasi yang sama iaitu meneroka kawasan yang subur, seperti di kawasan hutan, membuka ladang yang subur untuk ekonomi seperti lada, padi dan lain-lain. Lokasi yang subur ini membuat mereka berpindah ke kawasan di tepi sungai-sungai besar dekat muara dan laut. Kawasan tersebut dari segi ekonomi ketika itu adalah jauh lebih menguntungkan daripada *Induk Minangkabau* di dataran tinggi Bukit Barisan. Penghijrahan masyarakat Minangkabau dari satu tempat untuk tinggal ke satu tempat yang lain merupakan penghijrahan etnik baru ke satu-satu kawasan yang belum diteroka dan yang telah diteroka ia akan saling berkaitan dengan kedatangan kelompok masyarakat. Menurut tukang rumah tradisional dari Kampar kiri, Pak Suwar 82 tahun, mengatakan nenek moyang beliau telah merantau lebih kurang 200 tahun yang lalu ke Selat Melaka untuk berdagang dan telah pulang semula ke kampung halaman. Kedatangan mereka pada satu-satu masa dalam bentuk orang perseorangan atau kumpulan kecil kerana tiba dan tidak tinggal secara tetap tetapi sering bergerak, kerana pola kehidupan seharian keluar dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam mendapatkan bahan dagangan.



Rajah 2 : Gelombang penghijrahan Minangkabau

Penghijrahan masyarakat Minangkabau seperti dalam (rajab 2), telah membuka penempatan awal pada kawasan hulu-hulu sungai, hulu sungai Jambi/Batang Hari, hulu sungai Indragiri (rantau Kuantan dan rantau empat belas kota) hulu sungai Kampar (rantau Kampar), kawasan pantai timur Sumatera iaitu rantau Indragiri dan rantau Siak Indrapura. Seterusnya perantau ini melebarkan perantauannya hingga meninggalkan timur Sumatera dan menyeberang selat Melaka meneroka sehingga sampai ke Rembau dan kawasan sekitarnya. Mereka adalah peneroka-peneroka menetap dan terus saja menduduki penempatan yang telah sedia ada rumah (teratak) dan perkampungan mereka.

Orang Minang adalah orang perantau. Ahli-ahli ilmu masyarakat dan ilmu jiwa telah mengkaji (analisa) apakah sebabnya maka orang minang suka sekali merantau. Dan keinginan merantau ini sudah lama menjangkiti hati anak minang sudah beratus tahun. (Hamka : 1963), Kenyataan ini menunjukkan bahawa semua masyarakat Melayu atau puak-puak yang sedia ada di Negeri Sembilan datang dari kawasan tengah Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia, juga seolah-olah tidak ada komuniti tempatan wujud sebelum Minangkabau Melayu. Menurut Desy Aryanti, 2009, sejarah Sumatera Barat berkait rapat dengan sejarah dari orang-orang Minangkabau. Bukti arkeologi menunjukkan bahawa wilayah Kabupaten Lima Puluh Kota adalah wilayah pertama orang Minangkabau. Ianya diperkuatkan lagi dengan daerah Lima Puluh Kota ini mempunyai sejumlah sungai besar di timur dari pantai Sumatra. Sungai-sungai adalah pengangkutan yang penting sampai abad terakhir. Nenek moyang Minangkabau. Mereka berlayar dari Asia (Indo-Cina) melalui Laut Cina Selatan, persimpangan Selat Malaka dan kemudian menetap di sepanjang sungai Kampar, Siak dan Indragiri (atau Kuantan). Akhirnya, mereka menetap dan mengembangkan budaya disekitar Kabupaten Lima Puluh Kota.

EVOLUSI RUMAH MINANGKABAU MELALUI PENGHIJRAHAN

Rumah Minangkabau mempunyai bumbung ditarik balik sebagai bentuk tanduk kerbau, berfungsi sebagai tempat tinggal yang didiami oleh anggota keluarga perempuan sahaja.



Rajah 3 : Bentuk bumbung rumah gadang yang terdapat di Luhak Agam.

Rumah Minangkabau dipanggil sebagai rumah adat kerana rumah yang dijadikan tempat menjalankan kegiatan tempat muafakat dan tempat upacara adat. Menurut

Sudirman (2007), rumah adat ialah rumah yang didiami menurut aturan dan norma-norma adat yang disebut “babiliak ketek, babiliak gadang” (berbilik kecilnya, berbilik besar).



Rajah 4: Rumah gadang 7 bilik yang terdapat di Solok, Luhak Lima Puluh Kota.

Namun menurut Desy Aryanti pula, rumah adat Minangkabau adalah sebuah rumah yang didiami berdasarkan aturan-aturan adat dan digunakan oleh anggota keluarga yang mengamalkan sistem kekerabatan matrilineal sebagai pusat kegiatan keluarga. Maksudnya ialah sebagai rumah yang menepati ruang mengikut keluarga atau kelompok besar atau kecilnya berdasarkan kedudukan atau ekonomi keluarga mengikut adat. Bilangan bilik seperti dalam (rajah 4 dan 5), menunjukkan taraf atau status sesuatu keluarga.



Rajah 5: Rumah Gadang yang banyak terdapat di Luhak Tanah Datar.

Permulaan evolusi rumah Minangkabau adalah bermula dari 3 Luhak yang disebut oleh penulis sebagai ‘*Induk*’ diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Hasanadi dalam Mahakarya Rumah Gadang Minangkabau, Tanah Datar sebagai pusat budaya Minangkabau adalah sebagai pusat rujukan, dalam perkembangan kebudayaan Minangkabau di sekitar Sumatera Barat mahupun dalam konteks antarabangsa ‘*center of*

excellent'. Ia juga mengatakan bahawa Tanah Datar merupakan perjalanan sejarah sebagai *Luhak Nan Tuo* seperti dalam visi dan misi kabupaten Tanah Datar adalah :*"Tanah Datar sebagai pusat budaya Minangkabau yang maju sejahtera dan berkeadilan"*.

Rumah gadang adalah dalam bahasa minangkabau yang bermakna rumah besar bagi etnik orang Minangkabau dikenali juga sebagai rumah adat Minangkabau yang mengikut sistem kekerabatan matrilineal. Menurut Sudirman (2007), senibina tradisional Minangkabau terutama rumah gadang atau juga rumah adat dapat disebut sebagai bangunan vernicular yang lahir dari budaya masyarakat yang mengamalkan sistem kekerabatan matrilineal. Dalam sistem ini, kaum perempuan adalah pewaris kepada rumah gadang ini. Ia diwariskan kepada ibu, ibu kepada anak perempuan di bawah pemimpin kaum/suku yang lazim disebut dengan mamak kaum. Rumah adat ini mempunyai struktur bumbung melengkung dramatik dengan tebar layar dan rabung melengkung. Terdapat juga prinsip-prinsip tertentu dalam pembinaan rumah adat Minangkabau (Syamsul Asri: 2004). Sebahagian besar rumah ini dibina daripada gabungan buluh, kayu berukiran yang melambangkan adat mereka. Motif ukiran biasanya daripada reka bentuk bunga dengan struktur geometri dan ada kalanya mirip dengan tektik tenunan songket Minangkabau.



Rajah 6 : Rumah Kampar yang banyak terdapat di lipat kain, Kampar kiri (tipologi 1).

Evolusi dan perkembangan rekabentuk rumah di Negeri Sembilan dapat dilihat hampir sama dengan rumah di Kampar-siak seperti dalam (rajah 6). Reka bentuk ruang dalaman serta fungsinya sama seperti menurut Setiawan Hardono (2014) rumah tradisional Negeri Sembilan terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu hadapan, tengah dan belakang. Bahagian hadapan terdiri daripada ruang serambi, bahagian tengah terdiri daripada ruang rumah ibu dan bilik, dan bahagian belakang terdiri daripada ruang dapur.



Rajah 7 : Rumah Kampar yang banyak terdapat di lipat kain, Kampar kiri (tipologi 2).

Setiap bahagian ini mempunyai fungsinya yang tersendiri mengikut kepada keperluan sama ada pada waktu harian biasa atau semasa mengadakan majlis-majlis adat. Merujuk kepada (rajah 7), fungsi ruang pada rumah Kampar ini juga mirip kepada rumah Negeri Sembilan. Rekabentuk rumah Negeri Sembilan mempunyai beberapa tipologi yang mengikut ruang serambi di mana serambi yang dekat dengan tangga dipanggil serambi pangkal dan serambi yang jauh dengan tangga di panggil serambi hujung. "Pangkal untuk orang adat, hujung untuk orang syarak dan penghulu" (Nafida 2007). Selain serambi, ruang-ruang lain seperti rumah ibu (tengah rumah dan bilik) serta loteng (peran) juga terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan dan mempunyai fungsi yang sama seperti pada rumah induk dan Kampar-siak.



Rajah 8: Rumah Negeri Sembilan, tingkap kecil pada loteng (peran)

Konsep merantau bagi masyarakat Minangkabau adalah merupakan budaya mereka seperti pelarian ke negeri orang ini tidak bermakna mereka tidak balik ke negeri asal mereka. Mereka telah pulang ke kampung halaman membawa rezeki yang dapat di perantauan di samping berkongsi cerita mereka kepada saudara-saudara yang lain dan secara tidak langsung telah menggalakkan dan motivasi buat yang lain untuk terus merantau ke luar. Kedatangan orang Minangkabau menurut Manggis (1970), dalam abad ke 14 lagi telah ada orang Minangkabau yang membuka Negeri Sembilan, malah sejak tahun 1160 orang Minangkabau telah merantau ke Temasik. Mereka membuka jalan dengan menunjukkan jalan ke Rembau dan daerah-daerah di Negeri Sembilan melalui

Kuala Sungai Linggi dan telah menetap di Rembau, Sungai Ujung dan Seri Menanti. Bagi yang melalui negeri Melaka mereka menetap di Nanning, Johol dan Kuala Pilah. Dari sini dapat diketahui penghijrahan mereka telah membuka kawasan penempatan di Negeri Sembilan. Kawasan yang dibuka lebih teratur dari kawasan penempatan yang dibuka oleh orang Asli. Dari sinilah bermulanya kehidupan orang-orang Minangkabau di Tanah Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Menurut A. Samad Idris (1970), Kedatangan Raja Melewar telah menambahkan lagi ramainya orang-orang Minangkabau berhijrah ke Negeri Sembilan dan menjadikan negeri kedua bagi masyarakat Minangkabau. Beliau menambah lagi dengan kata-kata "*Pohon Bergoyang angin berhembus, tunduk dedalu di pukul ribut. Air di cincang masakan putus, Bidah lalu kianbang bertaut.*" membuktikan kekeluargaan yang kuat antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan.



Rajah 9: Rumah tradisional Negeri Sembilan berbumbung lentik

Penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan sedikit sebanyak telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional di Negeri Sembilan. Menurut Yaakub Idris (1996), rumah Melayu adalah rumah tradisionalnya yang terbentuk di dalam masyarakat Melayu bersama-sama dengan evolusi kebudayaan Melayu itu sendiri namun merujuk kepada (rajah 9) dari sudut pengaruh senibina rekabentuk kediaman atau rumah tradisional yang di bawa oleh tukang-tukang dari Minangkabau telah mendapat pengaruh rekabentuk senibina Minangkabau seperti bentuk hadapan beranjung, serambi dan bentuk bumbung bergonjong dan berubah kepada senibina bumbung 'lontik' (melengkung di bahagian tengah). Setiap ruang tersebut membawa makna serta fungsinya tersendiri, Menurut Nafida (2007) keunikan rumah adat Negeri Sembilan ini adalah refleksi daripada sistem adat Perpatih berkekerabatan ibu atau matrilineal di mana reka bentuk susun atur ruang dalamannya dibentuk berdasarkan keperluan, dan keharmonian kaum ibu dan keturunannya agar dapat menjalankan aktiviti harian dan adatnya dengan sempurna.


Induk – Tanah Datar, Agam Dan Lima Puluh Kota

Menurut Ibrahim (2012) "Tambo Adat Alam Minangkabau", tempat tinggal pertama dari suku Minangkabau adalah Pariangan Padang Panjang yang terletak di lereng Gunung Merapi. Mengikut analisa Desy Aryanti (2009), perkembangan penduduk yang mendiami daerah lereng Gunung Merapi makin lama makin padat dan tidak memberi peluang mereka untuk memperluas tanah pertanian, maka mereka mulai mencari tempat tinggal yang baru. Mereka mulai berpindah ke lereng- lereng Gunung Singgalang dan Gunung

Sago. kerana perhubungan di zaman dahulu sangat sukar, maka rombongan mereka terpisah-pisah. Kesan daripada ini termasuk geografi, politik dan sosial terbentuk Luhak-luhak yang di panggil . Luhak Tanah Datar, Luhak Agam dan Luhak Lima Puluh Kota yang terletak di sekitar lereng Gunung Merapi.

Rumah gadang di Minangkabau memiliki beberapa jenis atau ragam yang pada dasarnya mengikut kedaerahan dan masyarakat di Minangkabau dan ada kalanya jenis atau ragam yang tidak sama. Masyarakat yang tinggal di daerah darek memiliki bentuk rumah gadang yang berbeza dengan masyarakat Minangkabau di daerah rantau. Oleh itu, rumah gadang mempunyai nama yang beraneka jenis atau ragam mengikut bentuk, ukuran serta gaya dan luhak. Luhak atau kabupaten adalah merupakan daerah asal atau induk budaya Minangkabai meliputi 3 luhak iaitu luhak Tanah Datar, luhak Agam dan Luhak Lima Puluh Kota.

Rumah gadang juga dipanggil rumah adat, rumah gonjong atau rumah *bagonjong* (rumah bergonjong), kerana bentuk atapnya yang bergonjong runcing menjulang. Menurut Zulkifli (2003) Rumah gadang dibezakan berdasarkan *lanjar* dan ruang. Jumlah lanjar biasanya dua, tiga atau empat sedangkan ruang berjumlah ganjil lima, tujuh, sembilan dan ada yang lebih bergantung pada besarnya rumah tersebut. Lanjar ialah jumlah tiang-tiang yang membentuk ruang berbaris ke belakang, sedangkan ruang adalah jumlah tiang yang berbaris di sisi rumah. Rumah gadang masyarakat minangkabau ini walaupun sekilas pandang adalah sama tetapi sebenarnya mempunyai jenis dan tipologi yang berbeza mengikut luhak. Perbezaannya mengikut jenis rumah adat di 3 luhak atau induk ini adalah mengikut rumah adat pada Tanah Datar disebut gajah Maharam (gajah tidur) di mana rumah adat ini besar dan beranjung, Luhak Agam pula disebut serambi papek kerana mempunyai serambi yang terpotong pada hujungnya manakala di Luhak Lima puluh Koto di sebut *rajo berbandiang* kerana rumah adat Luhak ini nampak seperti raja yang sedang berunding.



Rajah 10: Pelan hadapan dan pelan lantai rumah Gadang Minangkabau. (sumber ruj. Desy 2012)



Rajah 11 : Rumah gadang Luhak Tanah Datar.

Luhak Tanah Datar merupakan luhak sulung, tertua, pemilik adat, raja, ibu dan tuah. Rumah gadang di Luhak Tanah Datar yang disebut juga gajah maharam ini dinamakan *sitinjau laulik*. Rumah gadang ini mengikut sistem adat Koto Piliang. Rumah ini lebih rumit dan lebih cantik berbanding dengan luhak yang lain seperti di Muzium Pagarruyung. Rumah jenis ini masih banyak terdapat di Batu Sangkar dan daerah Tanah Datar. Kedua ujung rumah diberi beranjung yang lantai ditinggikan disebut juga rumah *baanjuang* (rumah berpanggung). Kemegahan bentuk rumah ini dengan bumbung bergonjong yang berlapis-lapis serta mempunyai banyak ornamen-ornamen. Tangga dan pintu masuk pada depan rumah serta di tengah-tengah. Luhak Agam adalah luhak kedua atau luhak tengah. Rumah gadang di luhak Agam disebut *serambi papek* mengikut sistem adat Bodi Candiago. Reka bentuk rumah gadang yang sederhana, tidak menonjolkan kemewahannya mempunyai ciri bentuk gonjong yang bersayap di kedua hujung bawahnya. Lantai rumah ini datar dan tanpa anjung serta perletakkan tangganya di belakang.



Rajah 12 : Rumah gadang Luhak Lima Puluh Kota.

Luhak ketiga atau luhak bongsu ini adalah Luhak Lima Puluh Kota yang disebut *rajo berbandiang* mengikut sistem adat Bodi Candiago. Bentuknya seperti di Luhak Tanah Datar namun lantai tidak ditinggikan dan tangga di sisi kiri rumah. Rumah *rajo berbandiang* ini adalah rumah gadang di antara Luhak Tanah Datar dan Agam, tidak mewah dan tidak begitu sederhana.

Kampar- Siak

Kabupaten Kampar terletak di Riau. Sungai seperti sungai Subayang dan sungai Kampar Kanan (Bangkinang) menjadi perhubungan utama kehidupan. Sungai ini dahulunya menjadi tempat perahu yang berlayar dari Lima Kota ke Luhak Tanah Datar. Manakala Siak pula adalah salah satu daripada Rantau Timur Alam Minangkabau. Masyarakat Kampar dan Siak mempunyai matlamat yang sama iaitu perdagangan merupakan punca dan permulaan yang dapat dilihat wujudnya penghijrahan masyarakat Minangkabau. Menurut Ervina (2013), jalur perdagangan dari pendalaman menyusuri sungai Kampar, Subayang kemudian melalui jalan darat ke daerah petapahan menghilir sungai Siak menuju Selat Melaka. Jalur perdagangan Teratak Buluh Pekanbaru, pelabuhan Pekanbaru semakin ramai dengan pedagang-pedagang yang datang dari Minangkabau dan Selat Melaka. Perdagangan melalui jalur sungai dan darai ini tidak langsung telah memberikan interaksi ekonomi, sosial dan budaya antara pendatang dan masyarakat setempat yang dapat dilihat melalui bentuk rumah mereka tinggal.

Perkampungan Kampar dibangunkan di pinggir-pinggir sungai, rumah dibina sepanjang sungai atau di pinggir jalan raya. Rumah masyarakat di Kampar bertiang tinggi dan berpanggung. Rumah di Kampar mempunyai bentuk yang hampir sama dengan rumah Melayu Tradisional dengan fungsi yang sama. Kolong bawah rumah di jadikan tempat ternakan, tempat permainan kanak-kanak dan juga tempat simpan kayu, perahu yang tidak digunakan lagi. Rumah Tradisional Melayu Kampar-Siak di Riau ini berdasarkan bentuk atapnya yang lontik iaitu lentik Menurut Ervina, rumah lontik dengan sebutan lain adalah rumah pencalang atau lancang (perahu layar tradisional Riau) diberikan atas bentuk perabung atasnya yang lentik ke atas, sedangkan nama pencalang dan lancang diberikan kerana bentuk hiasan kaki dinding depannya miring keluar seperti perahu layar. Rumah tradisional kampar terdiri dari 3(tiga) ruang sahaja yang mengikut adat iaitu ruang bawah, ruang tengah dan ruang belakang. Ruang bawah iaitu lantai yang lebih rendah dari lantai rumah induk, terdapat ruang ujung bawah di sebelah kanan dan pangkal rumah di sebelah kiri masuk. Ruang ujung bawah dijadikan tempat sesuatu upacara, tempat duduk ninik mamak dan tetamu undangan manakala pangkal rumah tempat duduk ninik mamak nan punya soko. Ruang tengah pula adalah ruang bilik tidur. Ruang belakang pula adalah pendapuan (dapur) ruang yang paling belakang atau disebut telo atau sulo pandan.

Bentuk rumah 'lontik' di Kampar adalah lebih mirip dengan rumah di Negeri Sembilan. Perletakan pintu tidak berada di tengah atau simetri, ia ada yang berada sedikit ke kiri atau ke kanan. Ruang tungganai terletak di antara ruang yang di panggil Sumando dan terdapat dapur di belakang seperti ruang tambahan. Papan dibina sebagai dinding pemisah yang mempunyai ornamen-ornamen di antara ruang sumando dengan tungganai. Kain diletakkan di ruang tungganai sebagai tirai bagi ruang kamar atau bilik tidur.

Having several flexible homes has brought about variety in their types, including open plan homes, homes with movable walls, flats with adaptable structure, etc. This process in Europe has led to a sort of instability. Therefore, there are new requirements for flexibility in developing homes. New methods of occupation (working at home) need a new flexible method to adapt the requirements. Combining the modules with the same value is one of the solutions in this field, which has helped to increase the flexibility. Even combining these modules horizontally and vertically is probable in future. The future of housing can be predicted as so (Sigrid Loch, 2006). Therefore proper flexibility and adaptability patterns should be applied to cover all the residents' requirements.



Rajah 13 : Rumah Kampar-siak (Kg. Lipat Kain)

Antara reka bentuk rumah di Kampar, terdapatnya ruang tingkat seperti loteng dengan terdapatnya tangga diruang tungganai, ini dapat dilihat dalam penulisan Ervina (2013) di mana sebuah rumah *lontioik* (lentik) yang terdapat di Desa Padang Sawah, Kampar memiliki lantai tingkat yang digunakan untuk ruang tidur. Dari lantai tingkat ini penghuni dapat melihat lingkungan melalui jendela-jendela (tingkap) kecil. Menurut Pak Suwar, tukang rumah *Lontiak* Lipat Kain, Kampar Kiri yang berasal dari Minangkabau mengatakan bahawa dahulunya menggunakan dinding papan kayu, beratap serap, daun rumbia atau nipah, ukiran bermotifkan tumbuh-tumbuhan.pada fasad hadapan, kiri dan kanan rumah ada yang membuatnya dari bahan anyaman buluh dan kulit kayu seperti rumah yang terdapat di Induk Minangkabau. Di samping itu, dindingnya di serongkan sedikit mengikut tiang luar rumah sebanyak 5 darjah. Rangka lantai rumah lentik bertingkat ini hampir sama dengan rangka loteng biasa. Loteng ini diperbuat daripada kayu dan selain tempat tidur anak dara ianya sekarang telah dijadikan stor atau tempat penyimpanan barang-barang.

Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan di mana orang-orang Melayu berasal dari masyarakat Minangkabau telah memperlihatkan bentuk dan gaya rumahnya sangat dipengaruhi oleh senibina dari mana asal keturunan mereka (Halim Nasir: 1996). Terdapat kuburan Sheikh Ahmad Machdum di Negeri Sembilan (Malaya) pada batu nisannya tahun 1467 iaitu pada pemerintahan Sultan Mansur Shah, Melaka. Beliau adalah seorang ulama berasal dari Minang, menjadi guru dari orang-orang Minangkabau yang berpindah ke Malaya membuka tanah. (Hamka: 1963). Warisan dan imej adalah gambaran berkaitan pembentukan sesuatu rupamuka dan reka bentuk rumah tradisional.



Rajah 14 : Rumah Negeri Sembilan tidak beranjung.

Secara umumnya, rumah Melayu Tradisional Negeri Sembilan mempunyai bumbung panjang iaitu jenis yang mempunyai satu perabung yang memanjang dari kiri ke kanan atau arah hulu ke hilir selari dengan jalan atau sungai. Evolusi rumah Negeri Sembilan dapat dilihat pada bumbungnya yang melentik sedikit seperti dalam (rajah 17). Reka bentuk rumah Negeri Sembilan mempunyai atap yang bertingkat antara atap bumbung rumah hadapan (rumah ibu) dengan atap serambi. Rumah yang sama dengan rumah induk mempunyai serambi, dapur yang bergabung dengan rumah ibu. Berpanggung serta dikaitkan dengan 12, 16 dan 20, tiang berlantai tinggi dari tanah dan bertangga kayu adalah merupakan imej dan elemen yang kuat yang diperkatakan sebagai rumah melayu adat Negeri Sembilan.

Tiang	Pelan	Pandangan
Tiang 9		
Tiang 12		
Tiang 16		


Rajah 15 : Reka bentuk rumah tradisional mengikut tiang tanpa serambi pangkal dan serambi hujung.

Rumah Melayu Tradisional Negeri Sembilan mempunyai daya tarikan yang tersendiri di mana setiap binaan dan struktur asas rumah seperti tiang, bumbung, bendul, tingkap dan tangganya dikatakan dibina dengan mewakili pelbagai maksud yang tersendiri. Senibina rumah berkenaan sering dikaitkan dengan sifat kreatif masyarakat melayu dan hubungan mereka yang sangat erat dengan alam sekitar.



Rajah 16 : Rumah Negeri Sembilan berserambi satu.

Menurut Yaakub Idrus (1996) rumah Negeri Sembilan, bumbungnya kelihatan sedikit rendah dan lentik sedikit, mempunyai bumbung bertingkat antara atap bumbung rumah ibu dan atap serambi. Lazimnya rumah beranjung bagi rumah ketua-ketua adat dan pembesar-pembesar (Raja Nafida: 2007), yang lain mempunyai saiz dan gaya senibina yang berbeza dan ini dapat dilihat dengan jelas pada ruang serambinya.



Rajah 17 : Lukisan terukur rumah tradisional Negeri Sembilan berserambi dua (sumber: KALAM, UTM)



Rajah 18 : Rumah Negeri Sembilan berserambi satu dan beranjung.

Serambi terdiri dari serambi hujung, serambi tengah dan serambi pangkal. Serambi yang paling hampir dengan tangga di panggil serambi pangkal, menunjukkan ia adalah serambi pangkal dan paling jauh di panggil serambi hujung. Dalam pada itu menurut Yaakub Idrus (1996), terdapat empat (4) jenis variasi yang berdasarkan kepada penambahan di bahagian serambi seperti jenis tidak beranjung, jenis beranjung satu, jenis beranjung dua dan jenis beranjung tiga (rujuk rajah 16, 17, 18, 19 dan 20) Rumah beranjung adalah rumah berevolusi yang pada asalnya bermula dari jenis rumah tidak beranjung seperti dalam (rajah 15).



Rajah 19 : Rumah Negeri Sembilan berserambi dua.

Oleh itu, reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan telah dikenal pasti evolusinya pada bumbung yang bergonjong atau reka bentuk bumbung panjang yang mempunyai lentik yang bervariasi. Rumah tradisional ini telah melambangkan keunikan masyarakat adat pepatih yang diamalkan oleh orang-orang Negeri Sembilan.



Rajah 20 : Rumah Negeri Sembilan berserambi dua dan beranjung.

KESIMPULAN

Rekabentuk rumah tradisional Melayu boleh dilihat beberapa jenis dan tipologi diseluruh Malaysia. Setiap negeri-negeri di Malaysia mempunyai bentuk-bentuk rumah tradisionalnya yang tersendiri. Permasalahan rumah Minangkabau sering dikaitkan dengan rumah tradisional di Negeri Sembilan oleh masyarakat adalah disebabkan pengaruhnya yang hadir dalam sistem pemerintahan di Negeri Sembilan. Budaya bangsa itu mempengaruhi bentuk seni binanya. Evolusi rumah minangkabau telah dapat dianalisa melalui perubahan reka bentuk rumah tradisional sesuatu tempat mengikut sejarah, budaya, sosial dan juga kedaerahan sesuatu tempat tersebut. *Induk* Minangkabau dengan adanya rumah gadang atau rumah adat yang dihuni oleh keluarga besar atau beberapa keluarga seperti yang dibina secara gotong-royong mengikut adat. Di kampar-siak telah menerima gelombang minangkabau turut melalui evolusi rumah gadang kepada rumah tradisional yang mempunyai bumbung lentik serta perubahan tipologinya. Manakala evolusi bentuk rumah tradisional rumah Negeri Sembilan pula mirip kepada daerah Kampar, dimana menurut Yaakub Idrus (1996), budaya rumah tradisional Negeri Sembilan mempunyai kaitannya dengan daerah Kampar, Sumatera atau berasal dari satu pangkal: *Melayu Tua atau Jambi*. Kehadiran penjajah dan penghijrahan orang Melayu dari seluruh pelosok Alam Melayu ke Semenanjung Tanah Melayu telah membuatkan reka bentuk rumah warisan Melayu diperkembangkan seperti perancangan ruang dalamnya, kaedah binaannya serta penggunaan bahan binaan baru seiring dengan perkembangan masa. Maka lahirlah senibina rumah Melayu yang berbumbung limas dan seterusnya bercirikan *hybrid*. (Mastor, 2009).

Faktor-faktor yang mempengaruhi rekabentuk rumah tradisional dari *induk* hinggalah sampai ke Negeri Sembilan adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor topografi dan geografi seperti gunung, sungai, tanaman dan jalan pengangkutan telah memberikan pengaruh perletakan rumah tradisional. Faktor budaya, faktor adat istiadat mempengaruhi pemilik rumah untuk membina rumah yang berada pada sesuatu kawasan setempat. Adat dalam suku telah mempengaruhi pemilik rumah tradisional dalam menentukan rekabentuk rumah mereka. Namun faktor kedaerahan atau faktor alam telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk reka bentuk rumah selain dari pengaruh kedudukan sosial dan adat istiadat. Ia lebih kepada keperluan dan fungsi serta kesesuaian dengan kemampuan pemilik rumah dengan tukang rumah. Menurut Mastor (2009), satu lagi sifat umum yang ketara pada keseluruhan senibina warisan Melayu khususnya rumah

kediaman sebelum mendapat pengaruh luar ialah reka bentuk bumbungnya yang mempunyai dua kecerunan dan diakhiri dengan binaan tebar layar di kedua-dua belah hujung setiap modulnya. Orang Melayu memanggil reka bentuk rumah sedemikian sebagai '*Rumah Bumbung Panjang*'. Begitu juga menurut Nafida (2007), rumah tradisional di Negeri Sembilan dikenali juga istilah rumah bumbung panjang Negeri Sembilan. Faktor yang membezakan di antara rumah-rumah tersebut ialah ukuran dan pengisian (*factor*) nilai-nilai kedaerahan serta ekonomi yang mempengaruhi kaedah binaan dan ragam hiasnya. Rumah tradisional Negeri Sembilan adalah salah satu ciri-ciri identiti sosial yang penting untuk etnik adat pepatih yang ada di Negeri Sembilan. Selain itu, ia juga menjadi sebahagian daripada identiti serantau dari segi "*warisan matrilineal*" yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir (1996). *The Traditional Malay House*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam.
- Desy Aryanti (2009), "*Rumah Tradisional Minangkabau di Sumatra Barat, Indonesia; Konsep pemeliharaan, pemanfaatan, dan perbaikan Rumah Tradisional Minangkabau, Studi kasus Rumah Gadang 9 Ruang di Jorong Balerong Bunta, Nagari Rao- Rao, Kabupaten Tanah Datar, Propinsi Sumatra Barat*", HAWK Hildesheim, Jerman.
- Ervina Dora (2003), *Tipologi Rumah Tradisional Melayu Riau di Desa Padang Sawah Kampar Kiri*, Tesis Master, Universiti Bung Hatta.
- Hamka (1963), *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*, Penerbit Firma Tekad Jakarta
- Ibrahim. (2012). *Tambo Alam Minangkabau : Tatanan Adat Warisan Nenek Moyang Orang Minang*. Bukittinggi: Kristal Multimedia.
- Jabatan Warisan Negara (2007), *Adat Perpatih Esei Pilihan*, Perpustakaan Negara Malaysia Jabatan Warisan Negara.
- Manggis M. Rasjid Dt. Radjo Panghoelo (1970). *Negeri Sembilan hubungannya dengan Minang Kabau (payong terkembang)*, Padang Pandjang.
- Mastor Surat, H.Othman, A.R.Musa (2009). *Pendekatan Dasar Pemikiran Senibina Warisan Melayu Bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa Serta Penyelesaian Masalah Iklim Dan Persekitaran Dalam Senibina Masa kini*. Prosiding Simposium Alam Bina Serantau 2009, FKAB, UKM.
- Raja Nafida Raja Shahminan (2007). *Kajian Tipologi Rumah Kedai Awal Era Belanda Di Bandar Melaka: Sumbangan Kepada Bidang Pemuliharaan Di Malaysia*. Thesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Raja Nafida Raja Shahminan. (2007). *Senibina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. Adat Perpatih - Esei Pilihan*, 191-197.
- Setiawan Hardono (2014), *Rumah Tradisional Negeri Sembilan :Susun Atur Ruang Dalaman Dan Hubungannya Dengan Keserasian Prinsip Islam Dan Matrilineal, International Conference on Islamic Business, Arts, Culture & Communication 2014*" Addressing Challenges & Sustaining Excellence in a Globalised Malay & Islamic World "

Sudirman Is. (2000). *Kajian Nilai-Nilai Budaya Pada Ekspresi Tata Ruang Dalam Rumah Adat Minangkabau : Kes Kajian : Luhak Tanah Datar Sumatera Barat*. Johor: Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.

Sudirman Ismael (2007). *Arsitektur Traditional Minangkabau, Nilai-nilai Budaya Dalam Arsitektur Rumah Adat*. Bung Hatta University Press.

Yaakub Idrus. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti.